



Sebahagian peserta bergambar kenangan selepas program Larian Ceria Autisme di Serdang, baru-baru ini.

Larian Ceria bantu kanak-kanak autistik

➔ Selain kumpul dana, tingkatkan kesedaran masyarakat mengenai ASD

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

► Serdang

Bersempena dengan Bulan Kesedaran Autisme Sedunia yang disambut setiap April seluruh dunia, Jabatan Komunikasi di Fakulti Bahasa dan Komunikasi Moden Universiti Putra Malaysia (UPM) meraikan kanak-kanak autistik melalui program Larian Ceria Autisme, baru-baru ini.

Usaha murni itu turut melakar kejayaan apabila meraih kutipan lebih RM8,000 untuk disalurkan kepada Persatuan Ibu Bapa dan Ahli Intervensi (PIBI) Genius Kurnia dalam usaha membantu aktiviti pendidikan dan program latihan kanak-kanak autistik.

Pensyarah Kanan Jabatan Komunikasi, Dr Nurul Ain Mohd Hasan, berkata selain mengumpul dana, inisiatif program larian ceria itu juga mahu mendidik dan meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai Gangguan Spektrum Autisme (ASD).

“Kebanyakan masyarakat sebenarnya menyedari kewujudan spektrum autisme, namun masih terdapat kekeliruan yang amat jelas mengenainya.

“Kami percaya dengan adanya inisiatif seperti ini dapat meningkatkan kese-

edaran orang ramai mengenai ciri autisme, faktor penyebab dan cara penerimaannya dalam sistem sosial kita,” katanya.

Laluan hijau

Larian Ceria Autisme bertemakan Kenali Perbezaan, Terima Keunikan itu memabitkan 50 pelajar pengajian pascasiswazah dan 15 pelajar pengajian siswazah bersama-sama pensyarah dari Jabatan Komunikasi universiti itu.

Seramai 260 peserta mengambil bahagian dalam acara larian sejauh tiga kilometer yang dilepaskan bermula dari Fakulti Pertanian, termasuk kanak-kanak autistik daripada Genius Kurnia bersama-sama keluarga mereka.

Program itu selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi memas-



takan pendidikan berkualiti inklusif dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua.

Nurul Ain berkata, laluan hijau yang dilalui peserta dapat memberikan ketenangan terutama kepada anak-anak autistik apabila dibawa melintasi ladang haiwan ternakan UPM

untuk memberi pengalaman yang menarik dan berharga kepada mereka.

“Program ini turut menyediakan pelbagai aktiviti dan pameran informasi Genius Kurnia serta PIBI. Selain itu, terdapat gerai Ausome Cafe yang dikendalikan oleh alumni Genius Kurnia yang juga remaja autistik,” katanya.



Peserta bersedia menunggu isyarat pelepasan program Larian Ceria Austisme.